

08/09/1997

Cari mekanisme hadapi kemelut kewangan

KERAJAAN disaran supaya menggembelng tenaga pakar tempatan dalam pelbagai bidang bagi membentuk satu mekanisme untuk menangani kemelut urus niaga kewangan pada masa depan.

Langkah itu dianggap perlu supaya tragedi pahit ekononmi negara pada 1992 dan serangan ke atas ringgit serta usaha meranapkan pasaran saham tempatan baru-baru ini dapat ditangani dan peristiwa seumpama itu tidak berulang.

Badan Perhubungan Umno Kedah, Saifuddin Nasution Ismail, ketika membahaskan usul ekonomi, berkata saranan itu perlu difikir secara serius dan sebarang tindakan susulan perlu diambil segera.

"Mekanisme ini berperanan sebagai radar yang boleh mengesan dan memastikan bidang yang bakal menjadi serangan pihak luar," katanya selepas perbahasan usul itu disambung semula, semalam.

Saifuddin berkata secara hakikatnya, negara mempunyai pelbagai ramuan yang boleh mengundang rasa cemburu pihak luar seperti pertumbuhan ekonomi lebih baik daripada sesetengah kuasa besar selain rancangan membina kekuatan serantau, termasuk peranan Malaysia yang paling ketara dalam membawa Myanmar menyertai Asean 10.

"Tatapi bagi Kedah, satu saja sebab utama yang menyebabkan Barat membuat serangan ke atas kita, iaitu kerana persembahan ketara yang ditunjukkan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin Islam sedunia," katanya.

Sehubungan itu, menurutnya, bentuk serangan ke atas negara pada masa depan boleh hadir dalam pelbagai bidang seperti perbuatan sabotaj terhadap pelaburan Malaysia di luar negara seperti di Zimbabwe, Papua New Guinea dan Brazil.

Menurutnya, tindakan itu juga boleh berlaku dalam bentuk sistematik dengan mengajak dunia memulau barangan Malaysia seperti mana pernah dilakukan dalam produk barangan China dan India kerana menggunakan buruh kanak-kanak.

"Selain itu, mereka juga boleh menaikkan yuran pengajian pelajar kita dan menaikkan harga barangan yang menjadi keperluan untuk projek mega negara," katanya.

Jika diukur dari segi tenaga profesional pula, berdasarkan statistik 1992, orang Melayu masih jauh ketinggalan dari segi bilangan jurutera, akauntan dan arkitek.

Sementara itu, Umno perlu menjamin agenda Bumiputera untuk meningkatkan ekuiti bangsa Melayu dalam pembangunan negara berjalan lancar menepati sasaran sehingga tahun 2020.

Wakil Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Kamal Salleh, berkata semua pihak harus mencari jalan sebaiknya untuk mengawas makanisme pemantauan bagi memastikan agenda Bumiputera dapat berjalan dengan baik mengikut keperluan wawasan itu.

Beliau berkata, Umno mempunyai pelbagai biro yang yang dilantik oleh Majlis Tertinggi yang boleh digerakkan untuk memikul tanggungjawab mengawas agenda Bumiputera untuk kepentingan orang Melayu.

Menurutnya, pihak yang diberi peranan itu perlu mengadakan mesyuarat sebelum mesyuarat agung bagi membincangkan laporan biro ini untuk dibawa ke perhimpunan agung.

(END)